

Mulai 7 Mei, pelajar tahun akhir ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Fesyen dan Tekstil di Maktab Seni Lasalle mempamerkan koleksi mereka di kampus McNally Lasalle. Bertema, 'RE:IMAGINED', acara pertunjukan itu menentanghkan koleksi yang meneroka aspek sosial, persekitaran dan isu budaya melalui fesyen.



Pelajar Lasalle hasil fesyen inspirasi alam sekitar

► NUR 'AQILAH SYIFA'
aqilah@sph.com.sg

Bagi Cik Nur Rynna Shazrina Mohammed Iskandar, 24 tahun, fesyen bukan sekadar reka bentuk pakaian yang bergaya atau sekadar mencantumkan fabrik.

Malah, beliau menggunakan seni fesyen sebagai corahan visual yang mencerminkan kepekaan beliau terhadap alam sekitar.

Disebabkan itu, beliau tidak berfikir panjang untuk menghasilkan koleksi baju yang mencerminkan unsur kemampunan dan alam semula jadi, yang merupakan sebahagian daripada projek tahun akhirnya di Maktab Seni Lasalle.

Ketika ditemui baru-baru ini, lulusan Politeknik Temasek itu berkata: "Melalui penyelidikan, saya mendapati bahawa terdapat lebih daripada 255,000 tan sisa tekstil di Singapura sahaja dan hanya 2 peratus daripadanya dikitar semula.

"Perangkaan tersebut sangat membimbangkan saya dan sekali gus mendorong saya untuk mengambil kesempatan ke atas projek akhir tahun ini sebagai peluang membawa perubahan, menyumbang kesedaran terhadap isu sisa tekstil yang kian meningkat," kata pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Fesyen dan Tekstil di Maktab Seni Lasalle itu.

Koleksi tersebut, yang dinamakan, *Tropical Threads*, menampilkan penggunaan fabrik dan bahan yang dikitar semula dan *upcycled* – bahan terpakai yang diberi nafas baru dengan nilai yang lebih tinggi daripada yang asal.

Sebagai peraka fesyen berbakat dan bijak,

kebiasaan daripada baju dalam koleksi tersebut mencantumkan pelbagai sisa kain yang mempunyai motif berbeza dalam satu busana yang baru, seiring dengan kehendaknya menyelami industri fesyen kemampunan.

"Saya banyak mengambil inspirasi daripada konsep pascamoden fesyen seperti 'dekonstruksi' dan pembinaan semula yang membolehkan peraka untuk menjadi lebih kreatif dan membayangkan produk atau benda dengan cara mereka sendiri.

"Buat koleksi ini, saya turut menentanghkan konsep pascamoden, dengan saya mempersoalkan idea kitar semula tradisional *upcycling* seperti (gaya) tampal cantum atau *patchwork* dengan mengasingkan kain dan benang



lama lalu mencantumkan semula menjadi tekstil baru," ujarnya.

Beliau turut bekerjasama dengan syarikat tekstil mampan, Nextevo, antara usahanya untuk lebih menghargai alam semula jadi dan fesyen kemampunan dalam koleksinya.

Penggunaan tekstil Nextevo seperti fabrik gentian daun nanas kitar semula, poliester kitar semula dan fabrik campuran kapas turut ditampilkan dalam koleksinya itu.

Mengulas hari-hari menjelang acara pertunjukan fesyen siswazah Maktab Seni Lasalle 2024 pada 7 Mei, beliau berkongsi tentang cabaran yang dihadapinya dalam menghasilkan koleksi tersebut.

"Saya melakukan banyak kerja tangan dalam koleksi saya seperti saringan sutera dan sulaman tangan yang mengambil masa dan menguji kesabaran. "Memang mencabar bagi saya untuk memastikan kerja tangan saya kemas dan konsisten dalam menghasilkan koleksi itu.

"Bagaimanapun, saya berpendapat bahawa 'ketidaksempurnaan' dalam kerja tangan sebenarnya satu keindahan dan nilai dalam produk buatan tangan!" kongsinya.

Justeru, pengalamannya meniti tahun pendidikan terakhirnya di Maktab Seni Lasalle tidak mungkin sempurna tanpa bantuan dan bimbingan beberapa guru dan pensyarah sepanjang tiga tahun itu.

Memberi penghargaan kepada pensyarah di maktab seni tersebut, beliau rajin meminta maklum balas dan pendapat mereka supaya "tidak terperangkap" dalam perspektif sendiri.

"Saya beruntung mempunyai pensyarah yang hebat dan banyak memberi sokongan dalam memahami visi idea dan menyokong kebebasan saya bagi mencapai potensi penuh sebagai peraka tekstil fesyen," katanya.

Mengenai rancangan lanjut pendidikannya di Lasalle, beliau berharap dapat terus memperjuangkan usahanya dalam melestarikan seni fesyen yang lebih mesra alam.

"Fesyen kemampunan bukanlah satu trend dan ia sepatutnya menjadi satu kebiasaan.

"Semua peraka patut menerapkan unsur dalam setiap amalan mereka dan mencuba yang terbaik untuk mempromosikan idea dan produk yang menyokong aspek sosial, budaya dan alam sekitar yang mampan.

"Saya berharap dapat mengembangkan koleksi saya (pakaian dan aksesori) dan meneruskan teknik kitar semula inovatif yang telah diketengahkan daripada koleksi tahun akhir saya," kata beliau.

Kebanyakan daripada baju dalam koleksi, 'Tropical Threads', mencantumkan pelbagai sisa kain bermotif berbeza untuk menjadi satu pakaian dengan gaya baru, seiring kehendak Cik Nur Rynna Shazrina Mohammed Iskandar, untuk menyelami industri fesyen mampan. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

“

Buat koleksi ini, saya turut menentanghkan konsep pascamoden, dengan saya mempersoalkan idea kitar semula tradisional *upcycling* seperti (gaya) tampal cantum atau *patchwork* dengan mengasingkan kain dan benang lama lalu mencantumkan semula menjadi tekstil baru.

– Cik Nur Rynna Shazrina Mohammed Iskandar.

LASALLE student produces fashion inspired by the environment

By Nur Aqilah Syifa

For Miss Nur Rynna Shazrina Mohammed Iskandar, 24 years old, fashion is not just about designing stylish clothes or joining fabrics.

In fact, she uses the art of fashion as a visual outpouring to reflect her sensitivity to the environment. Due to that, it did not take her long to produce a collection of clothes that reflect

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

21 May 2024, Page 13

Permission required for reproduction

elements of sustainability and nature, as part of her final year project at LASALLE College of the Arts.

In an interview recently, the Temasek Polytechnic graduate said: "Through research, I found that there are more than 255,000 tonnes of textile waste in Singapore alone and only two per cent of it gets recycled.

"The statistics were very alarming to me and I wanted to use my final year project as an opportunity to make a difference and bring awareness to the worsening issue of textile waste," said the student of the BA (Hons) Fashion Design and Textiles Bachelor's programme at LASALLE College of the Arts.

The collection, titled *Tropical Threads*, features the use of recycled and upcycled fabrics and materials – materials given a new lease of life resulting in a product of higher value than the original.

At a glance, Miss Rynna's work proves her abilities as a talented and intelligent fashion designer.

Most of the clothing in the collection combine a variety of fabric scraps with different motifs in a new garment, in line with her desire to delve into the sustainable fashion industry.

"I take a lot of inspiration from postmodern concepts of fashion such as deconstruction and reconstruction which allows designers to be more creative and imagine products or things in their own way.

"In coming up with this collection, I adopted postmodernism, where I questioned old ideas of upcycling such as patchwork, and deconstructed old fabrics and its threads to reconstruct them into new textiles instead," she said.

She also collaborated with sustainable textile company, Nextevo, among her efforts to better appreciate nature and sustainable fashion in her collection.

The use of Nextevo textiles such as recycled pineapple leaf fibre fabric, recycled polyester and cotton blend fabric is also featured in the collection.

Commenting on the days leading up to LASALLE College of the Arts' 2024 graduate fashion show on 7 May, she shares the challenges she faced in producing the collection.

"I do a lot of handwork in my collection such as silk screening and hand embroidery which takes time and patience.

"It was indeed challenging for me to ensure that my handwork is neat and consistent in producing the collection.

"However, I think that 'imperfections' in handwork are actually the beauty and value in a handmade product!" she shared.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

21 May 2024, Page 13

Permission required for reproduction

Her experience in her last year of education at LASALLE College of the Arts would not have been as perfect without the help and guidance of several teachers and lecturers throughout those three years.

Paying tribute to the lecturers at the arts college, she described how she would diligently ask for their feedback and opinions so as not to be 'trapped' in her own perspective.

"I was lucky to have great lecturers who gave me a lot of support in understanding the vision of my ideas and supporting my freedom to reach my full potential as a fashion textile designer," she said.

Regarding her plans for further education after LASALLE, she hopes to continue to champion her efforts in preserving the art of fashion that is more environmentally friendly.

"Sustainable fashion is not just a trend, it should be a norm.

"All designers should have this instilled within their practices and try their best to promote social, cultural and environmentally sustainable ideas and products.

"I hope to expand my collection (clothes and accessories) and continue the innovative upcycling techniques that that I have developed in my final year collection," she said.